



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : SEJARAH SENIBINA
KOD KURSUS : DID1153
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas Jawapan Objektif

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 13 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan Objektif.

Soalan 1 dan 2 berdasarkan gambar rajah di bawah:



1. Gambar rajah di atas ialah salah satu contoh Senibina terawal manusia, yang dikenali dengan nama
 - A Stone Column
 - B The Whitsire Stone
 - C Archiac Column
 - D Stonehenge

2. Sebelum sejarah tamadun bermula, manusia membina tempat perlindungan dengan menggunakan
 - A Batu bata yang dibentuk daripada lumpur
 - B Ranting-ranting kayu yang dijadikan struktur asas.
 - C Batu yang disusun, gua dan bahan hutan
 - D Gua yang diukir menjadi tempat berlindung


3. Antara bahan senibina yang diperkenalkan ketika Zaman Tamadun Mesir ialah batu lumpur atau dikenali dengan nama "*mud-brick*". Senaraikan proses-proses pembuatan *Mud Brick* berikut mengikut urutan yang betul
- i. Lumpur-lumpur diacu (*mold-into*) dalam bentuk blok atau bongkah.
 - ii. Blok-blok batu kemudiannya dibiarkan kering di bawah cahaya matahari.
 - iii. Lumpur dikumpulkan daripada sungai Nil.
 - iv. Bongkah atau blok batu disusun menjadi dinding dan ditampal (*plastered*) dengan lumpur sehingga kering.
- A i, ii, iii dan iv
B iii, i, ii, dan iv
C iv, i, iii, dan ii
D iii, iv, ii, dan i

4. Manakah antara berikut yang menggambarkan kepercayaan terhadap roh oleh masyarakat Mesir purba
- A Jasad akan mereput tetapi roh akan hidup kekal abadi
B Roh disembah dengan pembinaan makam seperti piramid
C Barang perhiasan digunakan bagi memperingati roh si mati
D Makam dan kubur dihiasi dengan emas dan permata

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">- Penghasilan mumia adalah untuk mengekalkan jasad agar "X" sentiasa selamat- "X" dibekalkan dengan makanan dan minuman serta pakaian |
|--|

5. "X" di atas ialah Roh yang dipercayai oleh masyarakat Mesir purba, juga dikenali dengan nama
- A Gaia
B Namer
C Ka
D Amun-Ra

6. Antara bahagian-bahagian dalaman sebuah piramid ialah:
- A *Air Flow, Grand Gallery, Queen Chamber dan Pharoah Chamber*
 - B *Water Shaft, Grand Gallery, Kings Chamber, dan Queen Chamber*
 - C *Hidden Chamber, Grand Gallery, Treasure Chamber, dan Tunnel*
 - D *Pharoah Chamber, Treasure Gallery, Air Shaft, dan Water Flow*
7. Byzantin adalah merujuk kepada
- A Kekayaan sumber alam dan ilmu
 - B Penggabungan dua ilmu dan budaya
 - C Timur dan Barat
 - D Amalan penduduk Bandar Byzantium
8. Apakah motto yang di gunapakai dalam kehidupan orang Byzantin.
- A Satu Untuk Semua, Semua Untuk Satu
 - B Percaya Pada Kehidupan Selepas Kematian
 - C Satu Tuhan, Satu Empayar, Satu Agama
 - D Satu Agama, Satu Bangsa
9. Manakah antara berikut **bukan** merupakan ciri-ciri senibina Byzantin Pertengahan
- A Menggunakan teknik *squinch* dan *pendentive*
 - B Gereja dibina lebih banyak tetapi lebih kecil
 - C Dinding luar tidak dihiasi dengan apa-apa corak
 - D Gaya binaan tinggi dan *vertical*



10. Senibina di atas merupakan salah satu seni Byzantin Awal. Manakah pernyataan berikut yang berkaitan dengan senibina di atas.

- A Dinamakan sebagai Dome of Rock
- B Dibina oleh Anthemus dan Isodorus
- C Sumbangan terbesar kerajaan Maharaja Augustine
- D Bahagian luar binaan dihiasi dengan corak Arabesque

- Merupakan elemen penting dalam senibina Byzantin
- Menggunakan simbolisme atau perlambangan dalam penghasilan karya
- Banyak tertumpu pada binaan rumah ibadah (gereja)

11. Pernyataan di atas merujuk kepada


- A Mozek
- B Granite
- C Lazulli
- D Emas

12. Senibina Gothik merupakan senibina yang berevolusi daripada senibina

- A Rom
- B Awal Kristian
- C Renaissance
- D Romanesque


13. Kaca jenis 'x' digunakan ketika proses pembinaan tingkap dalam senibina Gothik. Nyatakan 'x' tersebut.

- A *Stained glass window*
- B *Balusted glass window*
- C *Tempered glass window*
- D *Frameless glass window*



14. Nyatakan fungsi *Flying Buttresses* pada senibina Gothik
- A Menambah nilai estetika
 - B Menambah kestabilan struktur
 - C Menambah kebesaran bangunan
 - D Menambah ketebalan dinding
15. Berikut merupakan bahagian hadapan struktur Senibina Melayu. Manakah yang bukan merupakan bahagian hadapan struktur senibina Melayu.
- A Serambi
 - B Anjung
 - C Rumah tangga
 - D Pelantar

16. Yang manakah antara berikut, **bukan** merupakan komponen utama dalam rumah tradisional Melayu.
- A Tiang dua belas
 - B Lantai tinggi ✓
 - C Dinding dan bukaan
 - D Bumbung cerun bertingkat
17. Apakah strategi yang digunakan untuk mencapai kawalan iklim yang optimum ketika mereka bentuk rumah melayu tradisional?
- i. Menggunakan bahan binaan yang rendah terma
 - ii. Mengawal radiasi solar secara terus dengan menambah cucur atap
 - iii. Pembinaan dinding dan atap untuk melindungi daripada hujan lebat
 - ✓ iv. Menanam tumbuh-tumbuhan di sekeliling rumah untuk menyejukkan persekitaran
- A i, ii, iii dan iv
 - B i, ii, dan iii
 - C iii dan iv
 - D ii dan iii
18. Rumah Melayu mempunyai nama-nama bagi setiap bahagian ruang beserta fungsinya yang tersendiri. Nyatakan fungsi bahagian selang.
- A Ruang meraikan tetamu
 - B Ruang berehat bagi ibu dan bapa
 - C Ruang untuk wanita berbual
 - D Ruang untuk makan



19. Gambarajah di atas merupakan persekitaran rumah melayu tradisional. Nyatakan fungsi 'X'.
- A Melindungi dari banjir dan binatang
 - B Menyimpan barang
 - C Tempat kanak-kanak bermain
 - D Saliran air kumbahan
20. Namakan kawasan yang bertanda 'Y'.
- A Ruang saliran
 - B Tempat simpanan
 - C Kawasan basuhan
 - D Ruang bermain

[20 markah]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Tamadun Mesir adalah tamadun terawal yang muncul dalam sejarah ketamadunan Manusia.

a. Huraikan kepercayaan kepada roh dalam tamadun Mesir.


(5 markah)

b. Berikan **empat (4)** ciri-ciri senibina tamadun awal Mesir

(4 markah)

c. Berikut ialah keratan bahagian dalam struktur senibina Piramid. Labelkan nama dan terangkan secara ringkas bahagian **P**, **Q**, dan **R**

(6 markah)



SOALAN 2

Senibina Gothik ialah evolusi rekabentuk Romanesque dan kemudiannya diteruskan dengan gaya Renaissance yang berkembang sekitar zaman Medieval dan zaman akhir Eropah.

- a. Nyatakan **enam (6)** ciri-ciri utama senibina Senibina Gothik. (6 markah)
- b. Lakarkan perbezaan antara *Roman arch* dan *Gothic arch* (4 markah)
- c. *Façade* ialah bahagian depan atau muka hadapan sesuatu senibina. Jelaskan bagaimana rekabentuk *façade* senibina Gothik direka dan lakarkan contoh *façade* tersebut beserta label yang berkenaan. (5 markah)

SOALAN 3

Tamadun Renaissance merupakan tamadun yang berkembang sekitar zaman medieval dan zaman akhir Eropah. Tamadun ini wujud selepas pemulihan zaman kegelapan, kelaparan dan kesusahan masyarakat di Eropah.

- a. Berikan faktor-faktor yang mempengaruhi Renaissance. (3 markah)
- b. Nyatakan ciri-ciri senibina tamadun Renaissance (4 markah)
- c. Huraikan **empat (4)** aliran pemikiran yang wujud dalam tamadun ini. (8 markah)

SOALAN 4

Romanesque wujud pada tahun 1000 hingga 1150 Masihi. Tamadun ini menjadikan gereja sebagai satu elemen penting dalam penyatuan masyarakat ketika itu.

- a. Nyatakan ciri-ciri senibina tamadun Romanesque
(5 markah)

- b. Berikan contoh subjek yang digunakan dalam penghasilan seni catan tamadun Romanesque.
(2 markah)

- c. Huraikan **empat (4)** masalah yang dapat diselesaikan oleh para arkitek ketika menghasilkan gereja pada tamadun ini
(8 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan, jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Lakarkan jenis-jenis bumbung senibina Tamadun China

- a. Bumbung Panjang (3 markah)
- b. Bumbung Lima (4 markah)
- c. Bumbung Piramid (3 markah)

SOALAN 2

Lukiskan gambarajah senibina Greek Column berikut:

- a. Greek Doric (3 markah)
- b. Greek Ionic (4 markah)
- c. Greek Corinthian (3 markah)

SOALAN 3

Lukiskan rekaan bangunan bercirikan senibina Melayu beserta label yang berkenaan.

Pembahagian markah:

- a. Struktur bangunan menepati ciri-ciri tamadun (3 markah)
- b. Rekaan dan kreativiti bangunan atau senibina (4 markah)
- c. Senarai ciri-ciri yang digunakan beserta label (3 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT